



Hulu Selangor rentas peta dunia

UMW Aerospace buka kilang pengeluaran selongsong kipas pesawat Airbus di Serendah

RIDUAN ABU HASSAN

HULU SELANGOR

HULU Selangor merupakan daerah terbesar di Selangor namun dari segi pembangunan agak ketinggalan pada awal 90-an sehingga Hulu Selangor digelar sebagai 'sleepy hollow' Selangor.

Pembangunan mula rancak selepas Perusahaan Otomobil Kedua (Perodua) membuka kilang pemasangan kereta kedua nasional di Serendah pada 1992.

Dengan pembukaan kilang Perodua, ia merancakkan kemajuan di Hulu Selangor apabila menarik pemain industri automotif yang lain seperti kilang pemasangan Tan Chong Sons Motor Nissan, kilang pemasangan bas dan monorel (SCOMI) di Serendah.

Krisis ekonomi 1998 membawa kesan kepada pembangunan di daerah ini sehingga



Kilang UMW yang mengeluarkan selongsong kipas untuk enjin pesawat merancakkan pembangunan industri di daerah ini.

projek kemajuan tergendala di beberapa bandar seperti Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Buaya, Lembah Beringin dan Desa Beruntung.

Berindak dari masalah berkenaan, pihak Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) merangka pelan bagi memulihkan semula bandar tersebut.

Di dalam penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020, MDHS meletakkan fokus utama terhadap pembangunan di bandar berkenaan dan menutup pemajuan baru.

Keadaan ini 'memaksa' pemaju untuk memajukan pemajuan di kawasan sekitar kawasan terbengkalai sebagai suntikan semula.

Selain itu, MDHS juga 'memujuk' pihak Tesco untuk membuka pasar raya di Bukit Sentosa yang kembali merancakkan pembangunan di Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa.

Ia sekali gus menggalakkan kemasukkan penduduk selain penyediaan kemudahan awam seperti sekolah dan Pusat Latihan Polis juga mempercepatkan pemuliharaan pembangunan bandar berkenaan.

Timbalan Yang Dipertua MDHS, Awaluddin Zakaria berkata, menjelang per-

dari PARLIMEN ke PARLIMEN

tomotif memilih untuk membuka kilang sekaligus menyediakan pelbagai pekerjaan.

"Bagi menarik lagi pemain industri ke Hulu Selangor, MDHS kini giat mempromosikan daerah ini sebagai Hab Automotif Negara.

"Selain pemajuan dari Perodua, Nissan dan SCOMI, daerah ini turut menjadi pilihan kilang pemasangan MRT (SMH Rail).

"Pada tahun 2016 nama Hulu Selangor khususnya Serendah diletakkan di peta dunia selepas UMW



AWALUDDIN

Aerospace membuka kilang pengeluaran selongsong kipas untuk pesawat Airbus," katanya.

Awaluddin berkata, usaha pembangunan akan dilakukan di sebelah utara terutama di Hulu Bernam bagi memajukan Bernam Jaya seperti mana dicadangkan pihak Kompleks Tanjung Malim (KL Kepong).

Menurutnya, keutamaan untuk memulihkan semula projek Lembah Beringin juga dibuat bersama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

P94 HULU SELANGOR

- N5 - Ulu Bernam
- N6 - Kuala Kubu Bharu
- N7 - Batang Kali

tengahan 2000, tumpuan diberikan pula kepada pemulihan Bandar Bukit Beruntung di kawasan lain dari segi pengisian rumah kediaman, kedai dan tapak industri.

Menurutnya, beberapa kilang vendor au-



Antara syarikat automotif terkemuka yang membuka kilang di Serendah.



Peningkatan jumlah penduduk turut memberi impak terhadap kuasa beli pengguna.



Pembukaan kilang Perodua berjaya menarik kehadiran syarikat automotif lain yang menyediakan banyak peluang pekerjaan.

SILVER SPOON
International College

SESI KEMASUKAN MAC & APRIL 2018

Diploma Seni Kulinari
Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 & 3 Seni Kulinari

Diploma Seni Pastrri
Sijil Kemahiran Tahap 2 & 3 Seni Pastrri

* Biasiswa sebanyak RM90,000 ditawarkan kepada 30 pendafaran yang pertama

Disokong Oleh: Berkolaborasi Dengan: Berkolaborasi & Disyorkasikan Oleh:

WEST LONDON, City's Guilds, JOHNSON & WALKER, SPM, MAM, JPK

Prof. Chef Zamzani Abdul Wahab
Pengetua / Pengerah Urusan

Hubungi kami:
019 217 1094
03 8075 9923

THE 5★ RATED CULINARY COLLEGE

www.silverspoon.edu.my

No. 12-12A, Jalan OF 1/2, Pusat Perdagangan One Puchong, Off Jalan Puchong, 47160 Puchong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
T: +603 - 8075 9923, F: +603 - 8032 3791, E: info@silverspoon.edu.my